

BAB LIMA

Perbincangan, Implikasi, dan Cadangan Kajian

Perubahan pandangan dalam bidang pemahaman bacaan daripada yang berfokuskan hasil pemahaman kepada proses pemahaman telah menyebabkan strategi metakognitif pemahaman bacaan yang pembaca gunakan semasa membaca, mendapat tempat di hati para penulis dan pengkaji pada masa kini. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji dan menghuraikan penggunaan strategi metakognitif dua orang murid tahun lima yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Penelitian terhadap penggunaan strategi tersebut dilakukan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran kemahiran pemahaman bacaan yang sebenar.

Dengan itu, bab lima ini akan membincangkan hasil penemuan yang diperoleh. Menyusuli itu ialah pembentangan tentang implikasi dapatan kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu murid sekolah rendah. Sebagai penutup, kajian ini akan mengutarakan aspek batasan dan cadangan kajian lanjutan.

Bentuk Strategi yang Peserta Kajian Gunakan

Membaca mengikut perspektif ahli psikologi kognitif (Rumelhart, 1977; Roehler & Duffy, 1991) ialah proses interaktif yang melibatkan interaksi pelbagai faktor. Salah satu faktor yang mempengaruhi peserta dalam kajian ini ialah faktor guru. Disebabkan guru jarang memulakan pelajaran dengan aktiviti yang dapat mencungkil pengetahuan sedia ada murid terhadap tajuk yang akan diajarkannya, oleh itu bentuk strategi yang peserta kajian gunakan juga sukar diperhatikan. Lazimnya dalam aktiviti prabacaan, guru menyuruh seorang dua murid bercerita atau

melaknonkan sesuatu episod yang tiada kaitan langsung dengan tajuk pelajaran.

Semasa mengajar tajuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) misalnya, guru telah meminta beberapa orang murid India menceritakan pengalaman mereka semasa menghadiri upacara Taipusam. Ekoran itu, semasa ditemu bual, Kasim dan Salmah telah menyatakan yang mereka tidak nampak hubungan antara aktiviti set induksi itu dengan bahan yang dibacanya.

Walaupun selalunya set induksi guru menyimpang jauh daripada tajuk pelajaran, namun tidak dapat dinafikan juga bahawa kadangkala guru berjaya mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan tajuk pelajaran. Namun begitu, disebabkan guru sendiri tidak mempunyai pendedahan yang cukup dalam bidang pengajaran kemahiran pemahaman bacaan, guru telah tidak dapat menyepadukan aktiviti prabacaan itu dengan aktiviti bacaan. Contohnya semasa mengajar pantun, guru telah menyuruh Salmah menceritakan semula cerita yang telah dimenangnya dalam pertandingan bercerita. Dalam cerita itu Salmah telah menyebutkan serangkap pantun dan syaer. Selepas Salmah habis bercerita, guru telah meminta beberapa orang murid menyatakan bentuk puisi yang terdapat dalam cerita Salmah. Beberapa orang murid telah menyebutkan jenis puisi itu. Sebaik sahaja seorang murid menyebutkan 'pantun', guru terus menyuruh murid membuka halaman yang berkaitan dengan tajuk pantun. Ini menunjukkan bahawa guru sedikit-sebanyak tahu tentang akitiviti prabacaan yang bertujuan untuk mencungkil pengetahuan sedia ada murid. Walau bagaimanapun, kekurangan pengetahuan telah menyebabkan guru tidak dapat mencungkil pengetahuan sedia ada murid dengan mendalam tentang tajuk yang diajarnya.

Lantaran itu, peringkat prabacaan yang sepatutnya menjadi perancam tempat murid bersandar, telah tidak banyak membantu murid memahami tajuk yang akan dipelajarinya. Apa yang jelas dilihat di sini ialah kedengkelan pengetahuan guru

tentang konsep prabacaan itu sendiri. Bagi guru aktiviti prabacaan itu lebih merupakan aktiviti ‘memanaskan badan’ yang tidak semestinya ada kaitan dengan tajuk pelajaran pada hari tersebut.

Ekoran itu, murid tidak dapat menghubungkaitkan pelajaran dengan aktiviti set induksi yang mereka lalui. Kasim umpamanya, telah memilih untuk menjadi pemerhati dan pendengar sahaja semasa rakan-rakannya yang lain bercerita atau melakukan sesuatu aksi di hadapan kelas. Salmah pula, di samping mendengar dan melihat, telah turut serta mengambil bahagian dalam aktiviti itu. Oleh itu, tidak seperti Kasim yang tidak dapat melihat hubungan cerita Salmah dengan tajuk pelajaran pada hari itu, iaitu mengenai pantun, Salmah pula telah dapat menyuarakan kewujudan pantun yang disebutkan dengan tajuk pelajaran pada hari tersebut. Ini mungkin disebabkan dia sendiri yang bercerita. Justeru, dia tahu dan ingat akan pantun yang disebutkan dalam cerita itu.

Secara ringkasnya dapat dikatakan bahawa selain daripada mendengar, memerhati atau bercerita, peserta kajian telah tidak mempamerkan bentuk strategi yang lain. Kedengkelan pengetahuan guru tentang hubungan pengetahuan sedia ada murid dengan tajuk pelajaran telah menyebabkan strategi yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian itu terhad kepada strategi mendengar, memerhati, dan bercerita sahaja.

Aktiviti prabacaan itu lazimnya disusuli pula oleh aktiviti bacaan. Tujuan mengadakan aktiviti bacaan ini menurut Cheek, Flippo, dan Lindsey (1997) ialah bagi membolehkan murid membaca dan berinteraksi dengan bahan yang mereka baca. Peranan guru pada peringkat ini pula ialah membimbing dan membantu murid menggunakan strategi yang berkesan agar mereka dapat menjadi pemaham yang cekap dan seterusnya berdikari seperti yang dinyatakan oleh Cheek, Flippo, dan Lindsey (1997), iaitu

Teachers can never begin to teach everything. Everything is too much. Instead, we must create an environment that enables students to teach themselves as needed. In that way, when students have the artificial world of the classroom, they will be able to direct their own learning when necessary or at their discretions. But we have to allow our students the opportunity to practice while under our guidance. Study skills are tools that, combined with reading, writing, and thinking skills and strategies, will equip your students for learning how to learn. (hlm. 179)

Daripada kata-kata tersebut, dapat dilihat bahawa guru tidak akan dapat mengajar murid kesemua isi pelajaran yang diperlukan. Justeru, aktiviti bacaan sebaiknya mempunyai tujuan membimbing murid ke arah memahami tentang cara-cara untuk memaham. Dengan perkataan yang lain, murid seelok-eloknya didedahkan bukan saja kepada strategi apakah yang boleh mereka gunakan, tetapi juga tentang mengapakah strategi tersebut dipilih, bilakah ia sesuai digunakan, dan bagaimanakah hendak menggunakannya agar mereka dapat menggunakan strategi tersebut apabila membaca bahan-bahan yang lain.

Umpamanya bagi membantu murid dalam kajian ini, guru diperhatikan telah mengadakan aktiviti bacaan nyaring oleh murid. Aktiviti bacaan nyaring murid itu pula dikukuhkan lagi dengan ulangan bacaan nyaring oleh guru. Sambil membaca, guru membuat penjelasan lanjut tentang mana-mana bahagian yang memerlukannya. Sungguhpun bacaan ulangan oleh guru itu membantu murid lebih memahami bahan yang dibaca, namun begitu disebabkan guru tidak pernah menyatakan sebab apa dia mengulang bacaan atau penjelasan, oleh itu bentuk strategi yang guru gunakan tidak diketahui oleh murid. Lantaran itu, dapat dikatakan bahawa guru yang sepatutnya mengajar murid tentang cara-cara untuk memaham telah mengajar murid tentang apa yang perlu difahami sahaja.

Sehubungan itu, sungguhpun kedua-dua peserta kajian mempamerkan penggunaan pelbagai jenis strategi pada peringkat bacaan ini, namun penelitian dapatan menunjukkan strategi yang mereka gunakan itu tertumpu kepada strategi

berbentuk 'luaran' sahaja. Strategi bentuk luaran yang dimaksudkan di sini ialah strategi yang menggunakan bantuan sumber luar seperti melihat buku lain, bertanya kepada orang yang lebih tahu, dan menunjuk setiap baris yang dibaca.

Sebagaimana strategi yang digunakan oleh peserta kajian Brenna (1991) dan MacGillivray (1997), kedua-dua peserta dalam kajian ini juga didapati telah menggunakan bantuan grafik dan bertanya kepada orang lain bagi membantu mereka memahami. Peserta kajian Brenna (1995) dan MacGillivray (1997) walau bagaimanapun, adalah jauh lebih muda jika dibandingkan dengan peserta dalam kajian ini dan mereka masih lagi belajar untuk membaca. Sebaliknya pula, peserta dalam kajian ini telah pun memasuki peringkat membaca untuk memahami seperti yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah (1995).

Ketiadaan petunjuk dan contoh yang jelas daripada pihak guru, telah menyebabkan peserta kajian menggunakan strategi mengikut budi bicara mereka sendiri. Kasim telah menggunakan strategi mendengar bacaan sendiri, merujuk kepada bantuan buku lain, menggunakan ilustrasi gambar, dan mendengar bacaannya sendiri. Salmah pula telah menggunakan strategi membaca lebih awal, menunjuk setiap baris yang dibaca, menggunakan ilustrasi tajuk kecil, menggariskan perkataan yang sukar difahami, dan perbincangan.

Memandangkan kedua-dua peserta kajian itu berada dalam kelas tahun lima yang terbaik di SKSI, oleh itu tidak hairan sekiranya mereka masih berupaya menggunakan pelbagai jenis strategi walaupun mereka tidak diajarkan tentang perkara ini. Lagipun, sekiranya peserta kajian yang muda dapat menggunakan pelbagai jenis strategi semasa membaca, seperti peserta dalam kajian Brenna, (1995) dan MacGillivray (1997), inikan pula peserta dalam kajian ini yang jauh lebih tinggi usianya.

Namun demikian, penggunaan strategi luaran dan dalaman yang tidak

seimbang itu sudah tentu sedikit-sebanyaknya mempengaruhi cara murid memahami sesuatu bahan bacaan dalam jangka masa yang panjang. Strategi bentuk dalaman yang dimaksudkan dalam kajian ini, ialah strategi yang melibatkan interaksi pembaca dengan unsur-unsur yang terdapat dalam teks itu sendiri, seperti menggunakan kata kunci atau konteks perkataan atau ayat, mengaitkan cerita yang dibaca dengan pengalaman sendiri, menggunakan bantuan ayat judul, dan merumus. Tambahan pula, semakin tinggi tahap pembelajaran murid, semakin sukar pula bahan yang perlu mereka baca, dan lebih banyak pula strategi dalaman yang mereka perlu gunakan.

Pada kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa peserta dalam kajian ini telah mempamerkan penggunaan dua bentuk strategi pada peringkat bacaan, iaitu strategi berbentuk luaran dan strategi berbentuk dalaman.. Bentuk strategi yang mereka gunakan itu pula, telah mereka pelajari sendiri. Tahap pencapaian mereka yang tinggi telah menyebabkan mereka masih mampu menggunakan strategi tersebut walaupun tidak pernah diajarkan di sekolah. Walau bagaimanapun, kedua-dua peserta kajian telah menunjukkan kecenderungan menggunakan strategi berbentuk luaran daripada yang berbentuk dalaman. Fenomena ini menunjukkan bahawa sekiranya guru mahu melahirkan murid yang dapat menggunakan strategi luaran dan dalaman secara seimbang, guru perlu melakukan sesuatu bagi membetulkan keadaan ini.

Lazimnya, peringkat bacaan itu diikuti pula oleh peringkat pasca bacaan. Cheek, Flippo, dan Lindsey (1997) menganggap peringkat pasca bacaan ini sebagai peringkat pengukuhan. Namun begitu, penelitian menunjukkan bahawa guru dalam kajian ini menganggap peringkat ini sebagai peringkat yang dilaksanakan selepas membaca. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, peringkat tersebut dianggap bermula sebaik sahaja guru mengadakan aktiviti bersoaljawab dan diakhiri dengan aktiviti

latihan bertulis.

Oleh kerana guru tidak mengajar murid tentang cara untuk mencari jawapan atau membincangkan sebab-musabab pengarang memberikan jawapan yang sedemikian, kedua-dua peserta kajian telah sekali lagi menggunakan strategi yang mereka peroleh daripada pengalaman mereka sendiri. Kasim misalnya, telah menggunakan strategi menggaris atau mencatatkan jawapan yang guru beri, mengulang bacaan, merumus, dan menggunakan konteks makna perkataan bagi mencari jawapan yang tepat. Sebaliknya pula, Salmah telah menggunakan strategi mengulang bacaan dan ayat judul bagi membantu dia memahami bahan yang dibacanya.

Selain daripada faktor guru, bentuk strategi yang peserta kajian gunakan pada peringkat pasca bacaan itu juga adalah tertakluk dengan bentuk soalan pemahaman yang tercetak dalam bahan bacaan itu sendiri. Soalan pemahaman dalam buku bacaan tambahan yang murid gunakan itu misalnya, mempunyai tiga bentuk penyoalan, iaitu yang berbentuk teks eksplisit, teks implisit, dan skrip implisit. Oleh kerana jawapan bagi soalan teks eksplisit itu jelas tersurat dalam sesuatu bahagian bahan bacaan, murid lazimnya tidak menghadapi apa-apa masalah mencari jawapan bagi soalan tersebut. Kedua-dua peserta kajian seperti yang telah dinyatakan, telah menggunakan strategi mengulang bacaan pada perenggan atau ayat tertentu bagi mencari jawapan.

Masalah hanya timbul apabila soalan tersebut menghendaki murid memberikan jawapan yang tersirat seperti dalam soalan yang berbentuk teks implisit. Semasa mengajar tajuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) contohnya, murid dikehendaki memberikan pendapat tentang mengapa PBB itu dibayangi oleh 15 buah negara anggota Majlis Keselamatan sedangkan cerita tentang Majlis Keselamatan itu tidak pula dihuraikan dengan panjang lebar. Sehubungan itu, guru telah ditanya

bertalu-talu oleh murid tentang maksud Majlis Keselamatan. Penerangan guru bagaimanapun, tidak memuaskan hati murid. Akhirnya, guru telah membacakan jawapan yang diberikan oleh buku panduan beliau walaupun murid kelihatan tidak berpuas hati dengan penjelasan itu.

Sungguhpun guru tidak dapat memuaskan hati murid dalam semua keadaan, namun penelitian menunjukkan yang guru tersebut telah banyak membantu murid apabila beliau selalu menggunakan buku bacaan tambahan yang murid beli. Tinjauan dan penelitian terhadap buku bacaan murid itu menunjukkan bahawa nilai dan mutu buku pinjaman yang murid gunakan adalah rendah. Di samping mempunyai bahasa yang terlalu mudah bagi murid kelas 5S ini, cerita-cerita yang dipaparkan juga adalah ketinggalan zaman. Bentuk soalan yang terdapat dalam buku pinjaman itu pula, lebih mirip ke arah soalan bentuk teks eksplisit.

Menyedari tentang kelemahan tersebut, guru Bahasa Melayu tahun lima di SKSI ini telah sepakat menyuruh murid membeli buku tambahan yang lain. Selain daripada mempunyai kosa kata yang setaraf dengan pencapaian murid tahun lima di SKSI, cerita-cerita yang dipaparkan juga adalah cerita semasa dan soalnya pula boleh dikatakan dapat mencabar tahap pemikiran murid.

Berbalik kepada soalan yang terdapat di dalam buku bacaan tambahan murid, soalan bentuk teks eksplisit dan teks implisit itu biasanya dipaparkan dalam bentuk objektif dan subjektif, manakala soalan bentuk skrip implisit pula digalurkan dalam bentuk soalan subjektif. Selalunya pada peringkat skrip implisit ini, murid dikehendaki memberikan pendapat mereka tentang sesuatu. Dalam hal ini, guru didapati telah memberikan kebebasan kepada murid untuk mengemukakan apa sahaja pendapat mereka. Walau bagaimanapun, seperti biasa selepas murid memberikan pendapat mereka, guru tetap akan membacakan jawapan yang tertulis dalam buku panduan beliau.

Sifat guru yang terlalu terikat dengan jawapan yang buku panduan beliau berikan, sebenarnya mempunyai kaitan dengan pendedahan yang beliau terima semasa menjalani latihan iktisas. Oleh kerana guru telah diajarkan secara umum sahaja tentang cara-cara mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu, dan tidak dalam pengajaran kemahiran pemahaman bacaan secara khusus, beliau telah mengajar mengikut pengiraannya sendiri. Lagipun, buku panduan tersebut juga hanya menekankan aspek menjawab soalan sahaja dan tidak ada penekanan yang diberikan terhadap aspek mengapakah, bilakah, atau bagaimanakah sesuatu jawapan itu dipilih. Sebenarnya bentuk penulisan buku itu adalah selaras dengan kehendak peperiksaan. Soalan pemahaman bacaan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah umpamanya menghendaki murid memilih jawapan yang paling tepat. Tidak ada pula soalan yang menyoal murid tentang mengapakah dan bagaimanakah sesuatu jawapan itu dipilih.

Lagipun, jika guru tidak menggunakan buku tersebut sebagai panduan, beliau tidak dapat merujuk kepada sumber lain. Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah (1995) misalnya, tidak ada menggariskan panduan tentang cara-cara yang guru boleh gunakan bagi mengajar murid mencari isi penting selain daripada mencatatkan bahawa antara objektif mengajar kemahiran pemahaman bacaan ialah "...untuk membolehkan mrid memahami dan menaakul bahan yang mereka baca...." (hlm. 5). Hal yang sama juga berulang dalam panduan yang diberikan oleh Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia Tahun Lima (1990) yang hanya mencatatkan murid perlu diajar dengan "...kemahiran belajar seperti kemahiran untuk mendapat dan mengumpul isi-isi penting, dan menggunakan cara-cara tertentu bagi memperoleh pengetahuan...." (hlm. 3). Bagaimanakah perkara tersebut boleh dilaksanakan tidak pula dinyatakan.

Sejajar dengan perkara-perkara yang telah dibincangkan itu, dapat dikatakan

bahawa bentuk strategi yang peserta kajian gunakan pada peringkat pasca bacaan adalah bergantung kepada bentuk pengajaran guru dan soalan yang mereka perlu jawab. Ketiadaan soalan yang menyoal murid tentang mengapakah dan bagaimanakah mereka memilih sesuatu jawapan, telah menyebabkan strategi yang digunakan oleh peserta kajian pada peringkat ini menjadi terhad kepada beberapa jenis strategi sahaja.

Sehubungan dengan penemuan bentuk strategi yang murid gunakan pada peringkat prabacaan, bacaan, dan pasca bacaan, bahagian yang berikutnya pula akan membincangkan tentang aspek kesedaran peserta kajian terhadap penggunaan strategi-strategi tersebut.

Kesedaran Peserta Kajian tentang Strategi yang Mereka Gunakan

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab empat, istilah kesedaran dalam kajian ini adalah merujuk kepada keupayaan pembaca mengenali strategi apa, mengapa dan bagaimana mereka menggunakan sesuatu strategi, dalam usaha mereka mengatasi masalah pemahaman. Hasil pemerhatian, temu bual, dan bukti dokumen menunjukkan yang kedua-dua peserta kajian ini sememangnya sedar tentang apa yang mereka lakukan. Walau bagaimanapun, pengetahuan mereka tentang mengapakah dan bagaimanakah sesuatu strategi itu digunakan, adalah agak terhad.

Pada peringkat prabacaan misalnya, Kasim telah menyatakan bahawa guru tidak pernah meminta dia melibatkan diri dalam aktiviti set induksi. Justeru, dia telah memilih untuk menjadi pemerhati dan pendengar sahaja. Sebaliknya pula pada peringkat ini Salmah telah dapat menunjukkan hubungan pantun yang disebutkan dengan tajuk pelajaran pada hari tersebut, iaitu memahami pantun. Oleh itu, seperti mana peserta dalam kajian yang telah ditinjau (Myers & Paris, 1978; Hare & Smith,

1982; Brenna, 1995; Kucan & Beck, 1996; MacGillivray, 1997), peserta dalam kajian ini juga telah dapat menyatakan apa yang mereka lakukan. Dalam perkataan yang lain, peserta dalam kajian ini sedar tentang perbuatan dan perlakuan mereka.

Seperkara lagi yang dapat dilihat, ialah tentang kesedaran pembaca terhadap tahap pemahaman mereka. Kesedaran tersebut telah membantu peserta kajian menggunakan mekanisme pengawalan sendiri bagi memantau tahap pemahaman mereka dan seterusnya mengambil langkah-langkah pembetulan yang sesuai bagi mengatasi masalah pemahaman tersebut. Dalam hal ini, Kucan dan Beck (1996) berpendapat bahawa,

Monitoring thus involved evidence that students know when they did not know something, when they were aware of the text as a whole, and when they were making use of information from more than one part of text. (hlm. 272)

Ini bermakna kebolehan memantau tahap pemahaman mereka, telah membantu peserta dalam kajian ini, mengenal bilakah mereka telah faham atau tidak faham.

Faktor kesedaran itu nampaknya telah membolehkan peserta kajian menukar sesuatu bentuk strategi yang mereka gunakan kepada bentuk strategi yang lain. Pada peringkat bacaan umpamanya, Kasim didapati telah menukar strategi membaca untuk pendengaran telinganya kepada strategi menggunakan bantuan buku lain apabila menyedari yang dia tidak memahami perkataan tertentu seperti 'risiko', 'sophisticated' dan 'logistik'. Sekiranya dia masih tidak dapat mencari erti perkataan tersebut, walaupun setelah merujuk kepada buku yang mempunyai senarai sinonim itu, Kasim akan menukar lagi strateginya kepada bertanya kepada kawan pula. Kalau ini tidak berjaya juga, Kasim mengambil keputusan mendengar penjelasan guru pula. Salmah pula telah menukar strategi dia menunjuk setiap baris yang dibacanya kepada strategi menggariskan perkataan yang sukar difahaminya. Kemudian, Salmah cuba mencari perkataan lain yang boleh menggantikan perkataan

tersebut tanpa mengubah maksud ayat. Langkah itu diikuti pula dengan bertanya kepada rakan di sebelahnya sekiranya dia masih tidak memahami maksud sesuatu perkataan itu. Sebagaimana Kasim, langkah terakhir Salmah ialah mendengar penerangan guru jika strategi yang digunakan itu masih tidak membantu dia memahamkan kata-kata yang baru dijumpainya itu.

Langkah menukar sesuatu strategi kepada strategi yang lain menunjukkan yang peserta kajian mempunyai kesedaran tentang apa yang mereka faham atau tidak faham. Kejadian yang sama juga pernah diperhatikan dalam kajian MacGillivray (1997). Menurut beliau, "...children regularly switched to different strategy while reading the same book when meaning was beginning to break down..." (hlm. 141). Sehubungan itu, kedua-dua peserta dalam kajian ini juga didapati telah menukarkan sesuatu strategi kepada strategi yang lain apabila pemahaman mereka mula terganggu. Sungguhpun begitu, peserta kajian jarang dapat menceritakan mengapa mereka memilih sesuatu strategi atau bagaimana strategi itu dapat membantu mereka memaham. Perkara seperti itu terjadi mungkin kerana guru tidak pernah mengajar murid tentang cara-cara untuk memantau tahap pemahaman bacaan. Lazimnya, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, guru hanya menekankan aspek memberikan jawapan yang tepat seperti yang diberikan dalam buku panduan guru.

Akibatnya, tahap kesedaran pembaca juga adalah berbeza mengikut pengalaman mereka sendiri. Pemerhatian menunjukkan yang tahap kesedaran Salmah adalah lebih tinggi daripada tahap kesedaran Kasim. Walaupun tidak diajarkan tentang keberkesanan bacaan dalam hati, namun Salmah masih menggunakannya. Keberkesanan bacaan di dalam hati ini pernah disuarakan oleh Cheek, Flippo, dan Lindsey (1997). Semasa murid lain membaca secara nyaring misalnya, Salmah kelihatan mendahului bacaan rakan-rakannya itu melalui bacaan

dalam hati. Kasim pula lebih gemar membaca kuat seperti yang diajarkan oleh guru.

Sebenarnya pilihan strategi yang berlainan mengikut kegemaran pembaca ini bukanlah sesuatu yang baru tetapi telah pernah diperhatikan berlaku dalam kajian Brenna (1995). Menurut laporan Brenna (1995) "...the findings suggest that each of the children utilized a variety of metacognitive reading strategies and showed individual preferences for certain strategies..." (hlm. 53). Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya Kasim memilih untuk membaca kuat sedangkan Salmah pula memilih untuk membaca dalam hati bagi membantu mereka memaham. Strategi membaca dalam hati itu walau bagaimanapun terbukti adalah lebih berkesan apabila Salmah diperhatikan lebih kerap mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang guru ajukan.

Kesedaran peserta kajian juga dapat dikesan ketika mereka menceritakan tentang cara-cara mereka mengenal isi penting. Kedua-dua peserta kajian telah dapat menyatakan cara mereka mengenal isi penting, walaupun guru tidak pernah mengajarkan kepada mereka tentang cara-cara tersebut. Bagi Kasim, ayat yang mengandungi isi penting itu dikatakan sebagai dapat merangkumi isi-isi yang lain, manakala Salmah pula menyatakan bahawa tanpa ayat tersebut, cerita dalam sesuatu perenggan itu akan menjadi tidak lengkap. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, walaupun guru hanya menekankan aspek memberikan jawapan tepat seperti yang tertera dalam buku panduan beliau dan bukannya menjelaskan kepada murid tentang mengapa dan bagaimana pengarang memilih sesuatu isi itu sebagai isi yang penting, namun begitu kedua-dua peserta kajian menunjukkan yang mereka tahu serba sedikit tentang cara-cara untuk mengesan isi penting itu.

Kesimpulannya, walaupun guru tidak mengajar murid tentang cara untuk memantau tahap pemahaman, namun peserta dalam kajian ini masih tahu bilakah mereka telah faham atau tidak faham. Pencapaian yang tinggi mungkin telah

menyebabkan peserta kajian mempunyai kesedaran itu. Tahap kesedaran itu walau bagaimanapun berada di tahap yang agak rendah. Peserta kajian hanya mampu menyatakan apa yang mereka gunakan bagi mengatasi masalah pemahaman mereka dan agak jarang dapat menerangkan mengapa mereka memilih sesuatu strategi atau bagaimana mereka menggunakan strategi yang dipilih itu.

Penggunaan strategi metakognitif yang peserta kajian tonjolkan itu dan bentuk pengajaran guru yang sedemikian rupa menunjukkan terdapatnya keperluan membuat penyesuaian terhadap kaedah pengajaran guru. Bersesuaian dengan itu, bahagian yang berikutnya pula akan mengemukakan implikasi dapatan kajian ini terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran pemahaman bacaan di dalam bilik darjah.

Implikasi Kajian terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pemahaman Bacaan

Seperti yang telah dinyatakan, penemuan kajian ini menunjukkan keupayaan peserta kajian menggunakan pelbagai jenis strategi pemahaman bacaan apabila menyedari mereka menghadapi masalah pemahaman. Bentuk strategi yang mereka gunakan itu walau bagaimanapun, terarah kepada bentuk luaran. Oleh yang demikian, sekiranya peserta kajian didedahkan dengan strategi berbentuk dalaman, sudah tentu mereka dapat menggunakan strategi tersebut dengan lebih kerap. Dengan itu, tahap pemahaman peserta kajian dapat ditingkatkan lagi.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga bahawa strategi berbentuk luaran itu telah sedikit-sebanyak membantu peserta kajian memahamkan bahan yang mereka baca. Sebagaimana strategi yang digunakan oleh peserta kajian Brenna (1995) dan MacGillivray (1997), peserta dalam kajian ini juga telah menggunakan bantuan ilustrasi gambar dan tajuk kecil bagi membantu mereka memaham. Ini menunjukkan

bahawa peranan ilustrasi grafik tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Bagi memudahkan pembaca memaham, pihak penerbitan buku boleh membanyakkan ilustrasi grafik dalam bahan bacaan murid.

Selain itu, tahap kesedaran peserta kajian juga diperhatikan berada pada tahap yang agak rendah. Peserta kajian hanya berupaya mengenal pasti masalah yang mereka hadapi dan mengambil tindakan pembedahan. Mereka didapati tidak dapat menjelaskan mengapa dan bagaimana mereka memaham kecuali dalam satu contoh yang telah dibincangkan sebelum ini. Lantas, jika kesedaran metakognitif peserta kajian hendak ditingkatkan, pihak guru boleh menerapkan pendekatan metakognitif ke dalam pengajaran mereka. Antara kaedah yang pernah diuji dan diakui keberkesannya ialah kaedah memodelkan teknik penyuaian pemikiran, mengenal struktur teks, pengajaran resiprokal, dan mengenal ketidaktekalan maklumat. Kesedaran metakognitif yang tinggi akan membantu peserta kajian menjadi pemaham yang cekap dan seterusnya menjadi pembaca yang berdikari. Tambahan pula pada tahap dua persekolahan, murid mula mengenali pelbagai jenis bahan bacaan. Lagi tinggi tahap persekolahan mereka, lebih sukar dan lebih banyak pula bahan yang perlu dibaca. Justeru, keupayaan pembaca menggunakan strategi metakognitif bagi memahamkan sesuatu bahan bacaan dapat membantu mereka menjadi pemaham yang cekap dan berjaya dalam bidang akademik.

Dalam kes guru pula, penemuan kajian ini mendapati bahawa guru tidak mengajar murid tentang cara memahamkan sesuatu petikan kerana beliau sendiri tidak mendapat pendedahan yang secukupnya semasa mendapat latihan iktisas. Oleh itu, adalah lebih bermanfaat sekiranya pihak maktab menokok-tambah sukatan pelajaran kursus pengajian Melayu dengan menyelitkan pendekatan metakognitif ke dalam bidang pemahaman bacaan. Pendedahan yang seperti ini, dapat membuatkan guru menjadi lebih peka terhadap strategi yang digunakan oleh murid mereka dan

tahu tentang cara terbaik mengajar murid dalam bidang pemahaman bacaan, di samping dapat membantu murid menjadi pemaham yang cekap.

Seiringan dengan itu, sukatan pelajaran Bahasa Melayu yang digunakan oleh guru di sekolah juga, boleh dimantapkan lagi dengan cara memberikan garis panduan yang lengkap tentang cara yang boleh guru gunakan bagi mengajar murid mengenal dan mencari isi penting. Ekoran itu, sekiranya pihak kurikulum mahu objektif sukatan pelajaran itu terlaksana, panduan yang jelas tentang perkara tersebut sebaiknya disertakan sekali dalam sukatan pelajaran. Contohnya, daripada memberikan arahan agar guru mengajar murid mencari isi penting, sukatan pelajaran itu boleh memberikan panduan seperti guru bertanya kepada murid tentang sebab-sebab mereka memilih sesuatu ayat dan bagaimana murid menggunakan sesuatu strategi bagi mendapatkan sesuatu jawapan. Dengan cara itu, strategi yang digunakan oleh seseorang murid, boleh diketahui oleh murid yang lain. Selain itu, di samping dapat membantu murid menjawab soalan, guru juga dapat meningkatkan tahap kesedaran murid melalui soalan mengapa dan bagaimana.

Pengubahsuaian juga elok dilakukan dalam buku teks. Seperti mana yang telah dinyatakan, guru menjadi begitu terikat dengan jawapan yang buku panduan beliau berikan kerana buku tersebut telah mencatatkan jawapan tersebut. Selain daripada menyenaraikan jawapan, buku panduan guru tidak ada pula mencatatkan garis panduan yang lain. Bagi mengelakkan hal yang sedemikian berlaku, pengarang buku boleh mengubah suai panduan mereka daripada menuliskan jawapan yang dikehendaki sahaja kepada panduan tentang cara-cara yang guru boleh gunakan bagi mencungkil strategi yang murid gunakan untuk mendapatkan sesuatu jawapan.

Pengarang buku pula, menulis buku mereka sedemikian rupa kerana kehendak peperiksaan. Bagi menguji tahap pemahaman calon, lazimnya ketepatan jawapan dipentingkan. Dengan itu, sekiranya bentuk soalan peperiksaan itu diubah

suai dengan memasukkan soalan mengenai strategi yang pembaca boleh gunakan bagi memahami sesuatu ayat atau perenggan di samping mementingkan ketepatan jawapan soalan pemahaman, sudah tentu pihak pengarang buku akan mengubah corak persembahan buku mereka.

Perbincangan dan implikasi kajian yang telah dibentangkan itu, telah membawa kajian ini kepada penghujungnya. Sehubungan itu, sebagai penutup kajian, bahagian yang selanjutnya akan membentangkan aspek batasan dan cadangan kajian lanjutan. Pembentangan tentang batasan dan cadangan kajian lanjutan itu dibuat berlandaskan batasan yang ada dalam konteks pelaksanaan kajian ini.

Batasan dan Cadangan Kajian Lanjutan

Projek kecil ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang meneliti aspek penggunaan strategi metakognitif pemahaman bacaan dua orang murid tahun lima sekolah rendah. Disebabkan kajian yang berbentuk kualitatif dalam bidang pemahaman bacaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama masih berkurangan, banyak aspek yang masih belum diterokai. Kajian ini misalnya, hanya mengkhusus kepada murid tahap dua sekolah rendah yang berprestasi tinggi. Justeru, perbezaan atau persamaan tahap kesedaran antara murid yang berprestasi tinggi dengan yang berprestasi rendah terhadap strategi yang mereka gunakan masih belum diketahui.

Selain itu, tempoh masa kajian ini dijalankan ialah selama dua bulan sahaja. Justeru, segala penemuan dalam kajian ini adalah terbatas kepada had masa tersebut. Bagi menghalusi dapatan kajian ini, penelitian dalam tempoh masa yang merangkumi semester satu dan dua persekolahan boleh dilaksanakan. Dengan itu, gambaran yang lebih menyeluruh dapat dilihat.

Akhir sekali, disebabkan pemerhatian dilakukan di dalam sebuah kelas sahaja, oleh itu pengaruh perbezaan bentuk pengajaran guru terhadap strategi yang murid gunakan telah tidak diteliti. Justeru, sekiranya lebih banyak kajian berbentuk kualitatif dijalankan dalam bidang pemahaman bacaan ini, lebih banyak pula maklumat baru yang boleh diketahui.